

SWCorp Pahang FC idam piala

SINAR HARIAN
CEKUPAN NEBORI
26 APR 2016 m/s 52

Mahu buru gelaran juara, tekad benam 22 lagi pasukan bertanding Liga Piala Mahkota 2016

■ ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Beraksi buat julung kalinya dalam Liga Piala Mahkota 2016, SWCorp Pahang FC tekad membawa pulang piala rebutan 23 pasukan yang beraksi.

SWCorp FC yang mendapat sentuhan Jurulatih Farid Daud kini gah menerajui saingan Kumpulan C selepas melakar empat kemenangan dan satu kekalahan dengan mengumpul 12 mata disertai lima lagi pasukan lain iaitu Pandora, Tanjung Selangor (TAS) FC, Kawan FC, Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan dan Mekasar FC.

Malah, kemenangan menewaskan TAS FC, 1-0 di padang Majlis Daerah Pekan (MDP) A, Ahad lalu itu, menyuntik lagi moral pasukan itu untuk membawa pulang piala tersebut buat Pengarah SWCorp Pahang, Datuk Mohd Nor Afandi Abd Aziz.

Penolong Pengurus pasukan, Badruzaman Abdullah berkata, pewartan dalam saingan liga itu juga



Barisan pemain dan pegawai pasukan yang menggalas cabaran membawa nama SWCorp Pahang dalam saingan liga itu.

antara usaha mempromosikan nama SwCorp kepada masyarakat sebagai medium memperkenalkan fungsi mereka dalam sistem sisa pepejal dengan kempen terbaru membabitkan pengasingan sisa pepejal dan 3R (Recycle, Reuse, Reduce).

Menurutnya, pembahagian pam-

flet berkaitan pengasingan sisa dilakukan sebelum perlawanan.

"Dengan sokongan kuat pengarah (Datuk Mohd Nor Apandi) dan Pegawai SWCorp Daerah Pekan, Mohd Mokhlis Misran, aktiviti ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

"Dengan kerjasama dan sokong-

an yang diberikan Pengurus Pasukan, Mohd Zulpata Mohd Amdan turut menaikkan lagi moral pemain, beraksi" katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau berkata, hanya dua minggu digunakan untuk latihan intensif membabitkan 25 pemain berusia 18 hingga 29 tahun.

"Dalam saingan kumpulan ini, kita lihat UMP Pekan jadi pencabar kuat SWCorp dan kita akan berusaha sehabis mungkin untuk pastikan misi tercapai," katanya.

Semua pasukan dibahagikan kepada empat kumpulan dan liga itu dijangka tamat Mei ini.